

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپيټ فنونټ وٽز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 11/2017

Permakluman Untuk Semua Pelajar Biasiswa Kerajaan Yang Belajar di United Kingdom dan Ireland Yang Mengikuti Kursus Sarjana Lanjutan (*Masters*) sesi pengajian 2016/2017

Sukacita merujuk perkara di atas, pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Sarjana Lanjutan (*Masters*), untuk mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

- A. Tempahan Tiket Penerbangan
- B. Penghantaran Barang-Barang Peribadi Melalui Kapal Laut (*Shipment*) Ke Tanahair
- C. Melanjutkan Tempoh Tinggal Di United Kingdom (UK) dan Eire.
- D. Melapor Diri ke Unit Penuntut-penuntut (UPP) sebelum pulang ke tanah air
- E. Menduduki Peperiksaan Ulangan (Resit) dan Mengulang
- F. Pembayaran Elaun Sara Hidup dan Elaun Perjalanan
- G. Urusan Tuntutan Perbelanjaan
- H. Urusan Melapor Diri Di Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan

Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar boleh merujuk '*link*' yang berkaitan dengan perkara-perkara yang di atas.

Sukacita dipohonkan kerjasama pelajar-pelajar untuk memastikan borang tempahan penerbangan akan dihadapkan **tidak lewat dari 05 Jun 2017 dan emailkan terus kepada flightbooking@upp.org.uk**. Kelewatan menghantar borang boleh menyebabkan kesukaran mendapatkan tempat duduk untuk tarikh yang dikehendaki. Manakala tempahan untuk penghantaran barang-barang melalui kapal laut ketanah air dibuat **satu bulan setengah (1½ bulan atau 6 minggu** daripada tarikh *collection* penghantaran barang-barang dan emailkan terus kepada shipment@upp.org.uk (sila rujuk tatacara terkini mengenai penghantaran barang-barang melalui kapal laut).

Bagi memastikan proses melapor diri berjalan dengan lancar, sila pastikan semua perkara yang berkaitan telah disediakan lebih awal sebelum datang melapor ke Unit Penuntut-penuntut. Manakala, semua **keputusan akhir hendaklah di *upload* ke UPP Online portal** masing-masing sejurus saja diperolehi.

Akhirnya Unit Penuntut-penuntut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perhatian yang diberikan terhadap permakluman ini. Seterusnya pihak Unit Penuntut-penuntut juga amat berbesar hati atas kerjasama yang telah diberikan oleh para pelajar di sepanjang pengajian di UK dan Ireland ini.

Saya dan seluruh warga kerja Unit Penuntut-penuntut mendoakan agar semua pelajar beroleh kejayaan yang cemerlang dalam pengajian masing-masing dan akan kembali ke tanahair bagi mencurahkan khidmat dan bakti di Negara Brunei Darussalam kita yang tercinta.

"*Keluargaku, Harapanku*"

Wassalam

[AHMAD FAISAL BIN HAJI ZAINAL ABIDIN]

Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV
Tarikh : 04 Sya'ban 1438 bersamaan 02 Mei 2017

*disertakan
it*